

31/08/2003

Generasi Rabbani dapat tangkis dakwah anti-Islam

Mohd Yusof Sulaiman

SEJAK 46 tahun merdeka, usaha memperkasakan agama Islam sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan melalui pelbagai dasar dan kegiatan sama ada pada peringkat nasional mahu pun antarabangsa.

Usaha yang dilakukan merangkumi pembaharuan dan perubahan mencakupi pelbagai bidang terutama pengurusan, perkhidmatan, pendidikan, kewangan dan perundangan berasaskan strategi serta prinsip Islam agama yang syumul.

Dengan kesungguhan ini, pencapaian Islam kian memberangsangkan sejajar dengan kedudukan dan keistimewaannya dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara tiga Perlembagaan menjelaskan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan di samping memberi ruang kepada penganut agama lain mengamalkan anutan masing-masing.

Kemajuan dan pencapaian hal ehwal Islam cukup ketara terutama sekitar dua dekad kebelakangan ini atau dalam erti kata lain dalam tempoh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam era pasca merdeka, tidak dinafikan usaha mengembangkan dasar Islam dilaksanakan, namun agak perlahan memandangkan masa itu, negara berdepan ancaman anasir subversif dan kekangan kemiskinan.

Sepanjang dua dekad itu, kerajaan merangka pelbagai pelan dan dasar serta peluang bagi memastikan hal ehwal Islam tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Kestabilan negara membantu kerajaan menubuhkan banyak institusi berasaskan Islam yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM), Jabatan kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan pelbagai institusi perbankan Islam. Ikim yang ditubuhkan pada 3 Julai 1992 adalah institusi terbabit secara langsung dalam memperbaiki imej Islam melalui kajian dan penganjuran pelbagai forum dan seminar.

Sebagai institusi pemikir, Ikim berjaya mengubah tanggapan masyarakat dan dunia luar terhadap Islam yang kononnya didakwa agama keganasan dan kemunduran.

Penyampaian dakwah dan kefahaman kepada masyarakat diperluaskan Ikim melalui penubuhan Radio Ikim sesuai dengan matlamat dan falsafah tekno-daei.

Sebelum itu, bagi memastikan masyarakat khususnya kakitangan awam dan warga pekerja memiliki pekerti mulia, cemerlang dan mampu meningkatkan produktiviti bermutu, kerajaan melalui Jakim memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai Islam (DPNI).

DPNI yang diwujudkan pada 1982 itu berjaya membentuk sahsiah di kalangan kakitangan awam melalui 11 nilai dan lima etika seperti amanah, benar, telus, adil, bijaksana dan syukur di samping nilai lain yang sesuai.

Kita juga bertuah kerana usaha memperkasakan Islam ini sentiasa mendapat tempat di hati kerajaan bukan saja melalui dasar dan perancangan, malah melalui pembaharuan yang jitu, konsisten dan ideal.

Dalam usaha memperkemas sistem perundangan Islam, perkara yang tidak semestinya dilupakan ialah langkah kerajaan meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan.

Dengan pindaan itu, Mahkamah Tinggi sivil tidak lagi boleh membatalkan mana-mana keputusan yang dibuat Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasanya.

Komitmen Kerajaan Pusat dalam menyeragamkan undang-undang ini juga amat

menyerlah apabila pada tahun 2000, kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil berjaya mendapatkan kelulusan Majlis Raja-Raja terhadap lima undang-undang baru syariah untuk diterima pakai di negeri-negeri.

Secara tidak langsung, langkah berkenaan dapat menyelaras pentadbiran dan pengurusan sistem kehakiman Islam di samping memulihkan serta meningkatkan kewibawaan dan imejnya berbanding sebelum ini.

Satu perkara yang banyak menyumbang kepada pembangunan Islam dan seharusnya dihayati semua pihak tanpa rasa ragu ialah dengan tertubuhnya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 1998.

JKSM bertanggungjawab menyelesaikan kelemahan dalam sistem perundangan Islam dengan menyediakan pelan tindakan untuk menyeragamkan pelaksanaan hukum syarak dan kaedah bagi mengatasi kelemahannya.

Menyedari cabaran yang dihadapi umat Islam hari ini, kerajaan sejak awal lagi merumuskan usaha membentuk generasi Rabbani atau generasi al-Quran yang mampu menangkis dakwah bertentangan Islam.

Pada peringkat rendah, ia dilaksanakan melalui pelaksanaan Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) di samping pembaharuan dalam sukatan mata pelajaran Islam sejajar keperluan semasa yang tidak meminggirkan tuntutan fardu kifayah.

Keupayaan negara menggilap Islam dikagumi bukan saja rakyat berbilang kaum, agama dan budaya, malah menyinar pada peringkat antarabangsa.

Suara Malaysia didengari dan dihayati serta menjadi qudwah kepada seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam di dunia.

Jika tidak, takkanlah ulama terkenal, Sheikh al-Azhar, Dr Muhammad Sayyid Tantawi ketika menghadiri Multaqa Ulama Sedunia di Putrajaya baru-baru mengakui sumbangan besar Malaysia kepada umat Islam seluruhnya.

Kini, pencapaian Islam sudah berada pada mercunya. Tinggal lagi generasi Merdeka hari ini yang seharusnya memanfaatkannya dengan rasa syukur dan tawaduk berlandaskan nikmat kemerdekaan yang diwarisi mereka.